

RETRACTED

Following a rigorous, carefully concerns, and considered review of the article published in Borneo International Journal of Islamic Studies, Vol. 1(1), November 2018 to article entitled "Perkembangan Penulisan Ilmiah Berkaitan Sifat 20 Di Malaysia: Satu Sorotan".

This article contained plagiarism and it has been found to be in violation of the Borneo International Journal of Islamic Studies and it has been retracted.

The document and its content has been removed from Borneo International Journal of Islamic Studies and reasonable effort should be made to remove all references to this article.

RETRACTED: Perkembangan Penulisan Ilmiah Berkaitan Sifat 20 Di Malaysia: Satu Sorotan

Mohd Azman bin Abdullah

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

sl1467@putra.unisza.edu.my

Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

drkuzaki@unisza.edu.my

RETRACTED

Abstract:

This article aims to know how far the development of scientific writing related to Sifat 20 in Malaysia, particularly in the Jawi scriptures used in the teaching and learning in Pesantren. Therefore, this study observes the aqeedah books in Jawi's writing

which discuss Sifat 20. This article tries to reveal the approaches used by the ulama in Nusantara when discussing the chapter on believing in Allah SWT. This article examines the manuscripts of Jawi which discuss Sifat 20 and analyses the thoughts of Ulama in Nusantara related to Sifat 20. This study implements the content analysis methods, that is, by examining the texts or manuscripts in Jawi writing. The results of the study, based on the findings all the Jawi manuscripts written by Ulama in Nusantara, show that all of them adhered to the school of al-Asya'irah and al-Maturidiyyah which explains Sifat 20. The results of this study are expected to contribute future researchers in examining Sifat 20 and to enrich the scientific treasures, particularly in the field of aqeedah.

Keywords: development, scientific writing, Sifat 20

A. PENGENALAN

Akidah Islam bagi umat Islam merupakan suatu perkara yang sangat penting untuk dipelajari, dihayati dan diamalkan dalam kehidupan. Hal ini kerana, ia merupakan perkara asas kepada seseorang di dalam agamanya. Sekiranya akidah tidak tertanam dan tidak dilazimi iaitu dengan makna jahil tentang akidah. Maka seseorang tersebut dikira sebagai orang yang tiada agama sebagaimana yang disebut oleh al-'Alim al-Allamah Tuan guru Haji Abdullah bin Haji Abdul Rahman seorang yang alim di Nusantara bahkan di negara arab sendiri yang disebut dalam kitab beliau iaitu "Sesiapa yang tidak menjwai Sifat 20 mereka adalah tergolong dalam golongan yang tidak ada agama (kafir)".

Hal ini dikuatkan lagi dengan satu hadis dari Anas bin Malik bahawa Rasulullah SAW bersabda: Bani Israel telah berpecah kepada 71 golongan. 70 golongan telah hancur binasa dan satu golongan lagi terselamat. Sesungguhnya umatku juga akan berpecah kepada 72 golongan dan 71 golongan akan hancur binasa. Satu golongan lagi akan terselamat. "Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, siapakah golongan yang terselamat itu? Baginda SAW menjawab, "Al-Jama'ah, al-Jama'ah." Di sinilah bermulanya titik perpisahan antara akidah yang benar dan akidah yang salah. Akidah yang benar diertikan dalam dunia Islam ialah akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Menurut Imam Az zabidi al-Murtadha seorang ulama besar yang telah mensyarahkan kitab *Ihya' 'Ulumi al-Din*. Beliau mengatakan "apabila digelar sebagai golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ia adalah golongan yang berakidah dengan akidah al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah iaitu orang yang belajar mengenai Sifat 20. Oleh itu, dapatlah difahami bahawa golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagaimana yang diketahui di seluruh dunia daripada zaman dahulu sehingga kini ialah orang yang belajar Sifat 20.

Sehubungan itu, orang yang pertama melahirkan Sifat 20 ialah Imam Abu Hasan al-Sya'ri yang mana nasab keturunannya adalah daripada Abu Musa al-Sya'ri. Abu Musa al-Sya'ri merupakan seorang yang mempunyai nasab keturunan yang sampai kepada sahabat Rasulullah SAW. Nama sebenar beliau ialah Ali bin Ismail bin Abi Basyar, berketurunan daripada Ishak bin Salim bin Ismail bin Abdullah bin Musa bin Bilal bin Abi Burdah Amir bin Abi Musa bin Qais al-Asya'ri Al-Basri. Nabi SAW pernah bersabda kepada Abu Musa al-Sya'ri dan pengikut-pengikutnya sewaktu turun satu ayat daripada al-Quran, Allah SWT berfirman maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! sesiapa di antara kamu berpaling tadah dari agamanya (jadi murtad), maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang ia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan dia; mereka pula bersifat lemah-

lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir, mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh pada jalan Allah, dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela. Yang demikian itu adalah limpah kurnia Allah yang diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; kerana Allah Maha Luas limpah kurniaNya, lagi meliputi pengetahuanNya.

(al-Ma'idah 5: 54)

Setelah turun ayat tersebut dan Nabi SAW membaca ayat tersebut. Baginda berkata “ inilah kaum yang Allah SWT sebut dalam ayat yang mana kaum ini sayangkan Allah SWT dan Allah SWT juga sayang kepada kaum tersebut. Justeru, jelaslah bahawa Abu Musa al-Sya'ri merupakan orang yang melahirkan Sifat 20 dan beliau adalah daripada keturunan yang mulia yang lahir pada tahun 300 Hijrah yang mana pada kurun itu Nabi SAW memberi jaminan bahawa kurun tersebut adalah sebaik-baik zaman. Selain daripada itu, terdapat satu hadis Nabi SAW di mana Rasulullah SAW bersabda maksudnya “ Sebaik-baik manusia adalah generasiku (para sahabat) kemudian generasi berikutnya (tabi'in) kemudian generasi berikutnya (tabi'u't tabi'in) (Hadis Bukhari dan Muslim).

Kemudian muncul seorang ulama yang terkenal dan masyhur di Nusantara yang mengembangkan pengajian Sifat 20 iaitu Imam al-Sanusi pada *Matnnya Umm al-Barahin*.

Nama sebenar beliau ialah Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yusuf bin 'Umar bin Shu'ayb al-Sanusi al-Hasani al-Asy'ari al-Maliki al-Tilimsani al-Maghribi (1428-1490 M) (Masakaree Ardae & Nik Muhammad Syukri Nik Wan, 2014).

Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Imam al-Sanusi (895H) pada kurun ke sembilan Hijrah, Sifat 20 merupakan satu perbincangan mengenai sifat-sifat Allah SWT. Situasi yang wujud di waktu itu, apabila penulisan di dalam ilmu akidah telah bercampur aduk dengan ilmu falsafah sehingga mengelirukan pembaca dalam ilmu akidah dan orang awam tidak dapat membezakan di antara ilmu-ilmu agama dengan ilmu-ilmu falsafah terutamanya di dalam persoalan akhirat, ia telah mendorong Imam al-Sanusi mengehendkan perbincangan tentang persoalan sifat-sifat Allah SWT kepada hanya 20 sifat (Abi 'Abd Allah Muhammad Yusuf al-Sanusi, t.t). Di samping itu, Imam al-Sanusi merupakan antara tokoh ulama Islam yang menonjol dalam penulisan kitab-kitab akidah berkaitan Sifat 20 suatu ketika dahulu. Beliau merupakan salah seorang tokoh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang mendokong fahaman al-Asya'irah. Antara kitab akidah yang dikarang oleh Imam al-Sanusi ialah kitab *Matn Umm al-Barahin*. Kitab *Matn Umm al-Barahin* ini merupakan sebuah karya akidah karangan al-Sanusi yang menghimpunkan 20 sifat sahaja yang wajib bagi Allah SWT yang wajib diketahui oleh setiap mukalaf (Engku Ku Hassan Engku Wok Zin & Mohd Fauzi Hamat, 2009).

Justeru, kitab pertama yang membincangkan tentang Sifat 20, di mana terdapat nas-nas yang jelas mengenainya adalah kitab karya Imam al-Sanusi yang bertajuk *Matn Umm al-Barahin* (Rosli Ishak, 2005: 17). Selain itu, ajaran Sifat 20 telah muncul kali pertama di utara Afrika pada abad ke-15 M dan tersebar luas ke alam Arab. Pada abad ke-17 M, ia telah terdedah pada alam Melayu melalui penulisan-penulisan beberapa orang ulama, antaranya ialah Ahmad bin Aminuddin Qadhi, Al-Syeikh Nur al-Din al-Raniri dan

Syeikh Abdul Rauf Singkil. Pada abad ke-18 M, penulisan Sifat 20 *Umm al-Barahin* (Ibu Segala Tanda) mulai diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi, diikuti dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, dan disebar-luas kemudiannya oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani pada abad ke-19 M (Masakaree Ardae & Nik Muhammad Syukri Nik Wan, 2014).

B. KITAB-KITAB AKIDAH DALAM TULISAN JAWI TENTANG SIFAT 20

Terdapat banyak kitab-kitab akidah dalam tulisan jawi yang membincangkan Sifat 20. Namun, yang akan dikemukakan di sini hanya beberapa buah kitab sahaja yang berkaitan dengan Sifat 20. Kitab-kitab akidah dalam tulisan jawi yang menyentuh Sifat 20 adalah seperti berikut:

1. *Matn Umm Al-Barahin*

Kitab ini adalah sebuah terjemahan ke dalam bahasa Melayu tulisan jawi. Kitab ini telah dicetak oleh percetakan Matbah bin Halabi, Fatani, Thailand tetapi tanpa tarikh percetakan. Kitab setebal 32 muka surat ini tidak disebut nama penterjemah. Terjemahan ini merupakan suatu kesinambungan daripada terjemahan yang telah disiapkan pada tahun 1188 H bersamaan 1774 M. Pada pendahuluannya terdapat cerita dalam mimpi yang tertulis dalam *Taqrir al-'Allamah al-Syams al-Anbabi* dan diikuti dengan kata-kata seorang ulama yang pernah berguru dengan Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani iaitu Abdul Qadir bin Abdul Rahman. Kitab ini adalah sebuah risalah yang indah mengandungi akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan tidak mengandungi sebarang keraguan dan penyimpangan. Matan bagi kitab ini menggunakan bahasa arab dan terjemahannya menggunakan bahasa Melayu. Selain itu, penamaan kitab *Umm al-Barahin* ini bertepatan dengan namanya sebagai ibu segala hujah dan dalil. Isi kandungan kitab ini berasaskan perbincangan akidah yang terkandung dalam Rukun Iman yang enam, iaitu menyentuh tentang persoalan akidah berkenaan dengan ketuhanan dan kenabian sahaja. Secara umumnya, Imam al-Sanusi telah membahagikan perbincangan kitab ini kepada empat fasal: fasal pertama, menjelaskan tentang hukum akal, ia mengandungi tiga hukum akal iaitu wajib, mustahil dan harus. Fasal yang kedua tentang *al-Ilahiyyat*, Dalam bahagian ini beliau menetapkan 20 sifat yang wajib dan mustahil bagi Allah yang wajib dan satu sifat yang harus bagi Allah SWT. yang wajib diketahui oleh mukalaf. Fasal yang ketiga membincangkan tentang *al-Nubuwwat*, Dalam bahagian ini al-Sanusi menetapkan hanya tiga sifat sahaja yang wajib dan mustahil dan satu sifat harus bagi rasul yang wajib diketahui oleh setiap mukalaf. Manakala fasal yang keempat menyentuh huraian dua kalimah syahadah. Beliau

menghuraikan dua kalimah syahadah berasaskan sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT. Beliau juga menjelaskan dua sifat ketuhanan iaitu *al-Istighna'* dan *al-Iftiqar*. Berkenaan Sifat 20 dalam kitab ini Imam al-Sanusi membincangkan secara panjang lebar dan terperinci berdasarkan dalil *`aqli* yang selari dengan dalil *naqli*.

2. *Al-Durr Al-Thamin fi Bayan 'Aqa'id al-Mu'minin*

Kitab ini telah dikarang oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Kitab ini telah selesai ditulis di Mekah pada waktu zuhur hari Sabtu 17 Syawal 1232 H. Kandungan kitab ini adalah adaptasi daripada penulisan *Umm al-Barahin*. Kitab setebal 103 halaman ini telah dicetak di percetakan Dar al-Ihya' al-Kutub, Mesir. Selain di Percetakan tersebut, ia juga dicetak di Pulau Pinang, Mekah, Turki dan Bombay. Di samping itu, kitab ini adalah sebuah kitab yang paling banyak tersebar dan sehingga kini masih dijual di kedai-kedai dan menjadi sebuah kitab yang penting di institusi pengajian pondok di Malaysia. Secara umumnya, isi kandungan kitab ini membahaskan secara terperinci persoalan akidah berhubung dengan ketuhanan, terutamanya menyentuh persoalan mengenai Sifat 20. Manakala persoalan tentang kenabian dan *sami'yyat* dibincangkan secara ringkas sahaja.

3. Sifat Dua Puluh

Kitab ini telah ditulis oleh Sayyid Osman bin Abdullah bin Aqil bin Omar bin Yahya al-'Alawi. Kitab setebal 24 muka surat ini tidak dinyatakan tempat percetakan dan tarikhnya. Kitab ini siap ditulis pada tahun 1304H bersamaan 1886/7M. Kitab ini membincangkan secara ringkas persoalan mengenai rukun Islam, rukun iman, kenabian dan *sami'yyat*. Ia juga menjelaskan hukum akal iaitu wajib, mustahil dan harus serta membincangkan juga mengenai hukum syarak dan hukum adat. Selain itu, kitab ini membahaskan huraian tentang Sifat 20 secara terperinci dan menyeluruh yang disertai dengan dalil-dalil al-Quran. Beliau juga membincangkan dua sifat ketuhanan iaitu *al-Istighna'* dan *al-Iftiqar*. Walaupun risalah ini merupakan sebuah risalah kecil namun pengaruhnya sangat besar terhadap umat Islam di Malaysia.

4. *Khulasah Sifat Dua Puluh*

Kitab ini telah ditulis oleh Dr. Haji Abdullah Abu Bakar bin Haji Ismail. Kitab ini telah dicetak oleh Percetakan Matba'ah Bin Halabi, Fatani, Thailand pada tahun 1433H bersamaan 2012M. Kitab setebal 121 muka surat ini telah selesai ditulis pada hari Khamis 10 Jamadilakhir 1416H bersamaan dengan 2 November 1995M. Kandungan Kitab ini terbahagi kepada empat fasal. Fasal pertama membincangkan hukum mempelajari Sifat 20, di mana pengarang menjelaskan dalam bentuk soalan iaitu adakah wajib belajar sifat 20?. Fasal yang kedua menjelaskan dua kaedah yang mana kaedah pertama (إِنْ كُنْتَ نَاقِلًا فَالصَّحَّةُ) “Jika kamu membawa ucapan seseorang maka jelaskanlah” dan kaedah yang kedua (إِنْ كُنْتَ مُدَّعِيًا فَالدَّلِيلُ) “Sesiapa yang mendakwa perlu kemukakan dalil”. Kedua-dua kaedah ini mampu menolak pegangan-pegangan yang sesat di dalam ilmu akidah. Pada fasal ini juga, penulis membahaskan tentang sifat-sifat Allah SWT yang berhubungkait dengan sifat *nafsiyyah* dan *salbiyyah*. Manakala fasal yang ketiga pula pengarang menjelaskan tentang sifat-sifat *ma'ani* dan sifat-sifat *ma'nawiyah*. Seterusnya dalam fasal yang keempat, penulis menyatakan tentang sifat-

sifat kenabian. Bagi perbincangan Sifat 20 dalam kitab ini dibincangkan secara terperinci dan panjang lebar.

5. *Risalah al-Misbah al-Munir Fi Ma'rifah Allah Al-Qadir*

Kitab ini ditulis oleh Abdul Aziz bin Ismail al-Fatani dalam bahasa Melayu tulisan Jawi. Kitab setebal 43 muka surat ini siap ditulis di rumah Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Ibrahim Kampung Paluh Bunut Payung, Kelantan pada jam enam petang waktu Malaysia, hari ahad 2 Jamadilakhir 1409H bersamaan dengan 1989 M. Kitab ini dicetak oleh Percetakan Matba'ah bin Halabi, Fatani, Thailand dan dicetak juga beberapa kali oleh Percetakan Pustaka Aman, Kota Bharu, Kelantan. Kandungannya menyentuh tentang agama Islam, rukun Islam, Iman, Ihsan, hukum syarak, hukum adat, hukum akal dan ilmu Usuluddin atau yang dikatakan dengan Sifat 20 berdasarkan susunan al-Syeikh Ibrahim al-Bayjuri. Perbincangan Sifat 20 dalam kitab ini, dibincangkan secara menyeluruh bermula daripada muka surat 13 hingga muka surat 30 yang disertai dengan dalil-dalil al-Quran.

6. *Faridah al-Fara'id Fi 'Ilm al-'Aqa'id*

Kitab setebal 24 muka surat ini ditulis oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin al-Fatani. Buku ini telah selesai ditulis di Mekah pada hari Isnin 12 Rabiulawal 1313 H bersamaan 1895/6 M dan dicetak kali pertama di Percetakan Dar al-Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, Kaherah, Mesir, kemudian dicetak pula di Percetakan Dar al-Mu'arif, Pulau Pinang, pada tahun 1380 H bersamaan 1960 M. Ia juga dicetak beberapa kali di Percetakan Patani Press, Patani. Kitab ini mengandungi perbincangan Sifat 20 mengikut susunan al-Syeikh Ibrahim al-Bayjuri selain menjelaskan sifat *Takwin* yang menjadi anutan al-Maturidi. Buku ini juga telah menjadi sebuah kitab tradisi dalam sistem pengajian pondok di alam Melayu khususnya Malaysia. Kitab ini telah diterjemah kepada tulisan rumi dan disertakan juga teks Jawi asal oleh Datuk Haji Md. Hashim bin Haji Yahya. Selain itu, Haji Abdullah bin Haji Ibrahim al-Jabi al-Fatani telah menyelesaikan sebuah huraian iaitu "*Umdah al-Talib al-Mujtahid fi Syarh Faridah al-Fara'id*. Syarahan ini telah ditashihkan oleh guru beliau dan sekali gus mertuanya iaitu Haji Ahmad bin Abdul Wahab al-Pusani. Seterusnya, Haji Nik Abdullah al-Jambuwi telah membuat sebuah kesimpulan dengan tajuk "*Pati Faridah al-Fara'id*". Perbincangan Sifat 20 dalam kitab ini dibincangkan secara menyeluruh dan ia terbahagi kepada empat bahagian iaitu sifat *nafsiyyah*, sifat *salbiyyah*, sifat *ma'ani* dan sifat *ma'nawiyah* yang dibincangkan secara terperinci dari segi pengertian dan dalil.

7. *Mizan al-Dharari pada Terjemah dan Menerangkan Kitab Tijan al-Darari bi Syarh Risalah al-Bayjuri*

Kitab ini telah ditulis oleh Ismail bin Omar pada tahun 1423H bersamaan 2002M dan dicetak kali pertama oleh Percetakan Muslim Press, Patani. Kitab setebal 58 muka surat ini sebagai terjemahan dan keterangan kepada kitab *Tijan al-Darari bi Syarh Risalah al-Bayjuri* yang dikarang oleh Syeikh Muhammad Nawawi al-Bintani al-Jawi mengikut susunan al-Syeikh Ibrahim al-Bayjuri. Adapun berkaitan dengan Sifat 20, kitab ini membincang secara terperinci dan menyeluruh.

8. *Risalah al-Bahjah al-Saniyyah Fi al-Aqa'id al-Saniyyah*

Kitab ini ditulis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Kitab ini adalah hasil terjemahan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani terhadap kitab guru beliau Syeikh Ahmad al-Marzuky. Kitab ini pernah dicetak oleh Percetakan al-Miriyyah di Mekah dan dicetak semula Khazanah Fathaniyah pada tahun 1999. Kitab ini mengandungi 21 muka surat membincangkan persoalan-persoalan asas akidah mengenai ketuhanan, kenabian dan sami'yyat yang perlu diyakini oleh orang awam. Manakala perbincangan mengenai Sifat 20 dibincangkan secara menyeluruh dan terperinci yang disertai dengan hukum akal iaitu wajib, mustahil dan harus bagi sifat Allah SWT.

9. *Risalah al-Tawhid*

Kitab ini adalah terjemahan dari kitab *Matan Minhaj* yang berbahasa Arab. Ia telah diterjemahkan oleh Dato' Haji Abdullah bin Abdul Rahman. Beliau adalah bekas Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Johor. Kemudian ia telah dipinda oleh Abdul Ghani bin Yahya dan Umar bin Yusuf. Pindaan dilakukan untuk memberi kemudahan kepada pembaca memahami kandungan kitab tersebut (Dato' Haji Abdullah bin Abdul Rahman, 1952). Kitab ini dicetak oleh Percetakan Matba'ah bin Halabi, Fatani, Thailand. Selain itu, ia dicetak kali pertama pada tahun 1325H bersamaan 1907M dalam bentuk matan sahaja. Tetapi terlalu ringkas, maka beliau telah membuat syarah iaitu dinamakan *Syarah Risalah al-Tawhid* pada tahun 1345H bersamaan 1926M. Kemudian dicetak kali kedua di Johor Bharu pada 18 Safar 1372 bersamaan 6 November 1952. Ia mengandungi 87 muka surat. Kandungan kitab ini masih lagi menggunakan pendekatan Sifat 20 dalam huraian. Persoalan Rukun Iman seperti percaya kepada malaikat, kitab, hari kiamat dan Qada' dan Qadar juga dibincangkan dalam kitab ini. Oleh itu, kitab ini adalah sebuah kitab akidah berbahasa Melayu yang membincangkan persoalan akidah sebagaimana yang terkandung di dalam Rukun Iman (Engku Ku Hassan Engku Wok Zin & Mohd Fauzi Hamat, 2009). Perbincangan Sifat 20 dalam kitab ini menjelaskan dari sudut pengertian, dalil-dalil al-Quran, *ta'alluq* sifat *ma'ani*. Selain itu, turut menjelaskan secara umum tentang tauhid 'Uluhiyyah, kenabian dan *sami'yyat*.

10. *'Aqidah al-Najin Fi 'Ilm Usul al-Din*

Kitab ini ditulis oleh Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani. Ia dicetak oleh Percetakan Matba'ah bin Halabi, Fatani, Thailand. Tetapi tanpa tarikh percetakan. Kitab setebal 140 halaman ini adalah sebagai huraian kepada penulisan *Umm al-Barahin* dalam bahasa Melayu mengikut susunan penulisan al-Imam al-Sanusi. Kitab ini telah selesai ditulis pada hari Sabtu akhir bulan Jamadilakhir pada tahun 1308 H

bersamaan 1890 M. Kitab ini dicetak kali pertama oleh Percetakan Dar al-Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, Kaherah, Mesir, diikuti dengan cetakan ke-2 di al-Matba'ah al-Miriyyah, Mekah pada 1332 H bersamaan 1913 M. Manakala keluaran yang ke-4 telah dicetak oleh Percetakan Dar al-Mu'arif, Pulau Pinang. Seterusnya, dicetak pula oleh Percetakan Muhammad Nahdi wa Awladah di Bangkok, Thailand. Selain itu, perbincangan kandungan di dalam kitab ini terbahagi kepada lima bab utama: iaitu pengenalan ilmu usuluddin, perbincangan Sifat 20 serta dalil bagi keseluruhan sifat tersebut, perbincangan kenabian serta sifat-sifatnya, perbincangan berkaitan hari akhirat dan menyentuh beberapa aspek tasawuf. Kitab ini membincangkan secara menyeluruh dan lengkap tentang Sifat 20 yang mana meliputi sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT di samping menyelitkan pelbagai dalil-dalil al-Quran sebagai membuktikan kebenaran sifat-sifat tersebut. Menurut Wan Mohd. Shaghir Abdullah: Sesudah kitab *Ward Zawahir*, kitab tauhid yang kedua besar ialah *Aqidah al-Najin fi 'Ilm Usul al-Din* karya Syaikh Daud (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1990: 4). Menurut Ahmad Fathy al-Fatani, kitab ini masih menjadi teks utama dalam sistem pengajian pondok di Patani, Kelantan dan Kedah. Ia dipelajari setelah selesai mengikuti kitab-kitab sebelumnya seperti *Bidayah al-Hidayah*, *al-Durr al-Thamin fi Bayan 'Aqa'id al-Mu'minin*, *Siraj al-Huda pada Menyatakan Akidah Ahl al-Taqwa* (Ahmad Fathy al-Fatani, 2001: 70-1).

11. Risalah Persediaan Bagi Sekalian Mukalaf

Kitab ini ditulis oleh Tuan Guru Haji Abdullah bin Haji Abdul Rahman. Kitab ini selesai ditulis pada hari ahad 4 Syawal 1389 H bersamaan 1969 M. Kitab setebal 58 muka surat ini tidak dinyatakan tempat percetakan dan tarikhnya. Tuan Guru Haji Abdullah bin Haji Abdul Rahman telah menyentuh persoalan kewajipan bagi seseorang mukalaf mempelajari ilmu tauhid. Selain itu, beliau menjelaskan mengenai kewajipan beriman dengan rukun Islam, rukun iman dan kenabian dengan penuh yakin. Pada Bahagian kedua risalah ini, Beliau menjelaskan ulasan hakikat mustahil yang menjadi pertikaian dan perselisihan pada masa silam dan masih berbangkit sehingga zaman pengarang dan ia turut memuatkan ringkasan beberapa patah daripada rahsia doa. Justeru, perbincangan Sifat 20 dalam buku ini dibincangkan secara terperinci dan lengkap. Kitab ini sangat sesuai dijadikan silibus dan modul untuk golongan yang baru mengenali dan mempelajari Sifat 20.

12. *Taqrib al-Ikhwān Fi Ta'allum 'Aqa'id al-Iman*

Kitab ini telah dikarang oleh Abdul Qadir bin Wangah, Waqaf Budi, Sekam. Kitab setebal 32 muka surat ini ditulis dalam bahasa Melayu tulisan Jawi. Kitab ini membincangkan secara lengkap dan terperinci tentang Sifat 20 mengikut susunan al-Syeikh Ibrahim al-Bayjuri. Selesai ditulis pada 3 Zulhijjah 1378 H dan dicetak beberapa kali di Muslim Press, Patani. Selain itu, buku ini telah dihuraikan oleh seorang murid

beliau yang terkenal di selatan Thailand dengan nama Haji Ail Sepanjang. Syarahan tersebut berbentuk kaset dalam bahasa Melayu Patani sebanyak 26 siri, mudah didapati di kedai-kedai buku di selatan Thailand khususnya di pondok Dala, Yaring, Patani. Di samping itu, dalam kitab ini pengarang juga mengemukakan nasihat-nasihat yang sangat berguna dan menyentuh hati.

13. *Bakurah al-Amani Syarh bagi Tabsirotu al-Adani*

Kitab ini telah ditulis oleh Syeikh Ismail bin Abdul al-Qadir al-Fatani. Buku ini telah dicetak dan diedarkan oleh Percetakan Matba'ah bin Halabi, Fatani, Thailand, tetapi tanpa tarikh percetakan. Buku setebal 30 muka surat ini telah selesai ditulis pada malam Sabtu 14 Rejab 1335 H. Kitab ini adalah kitab yang pertama menukarkan perkataan terjemahan pada sifat *ma'ani* iaitu daripada Quдрat ertinya kuasa kepada Quдрat ertinya penguasa dan penukaran terjemahan itu banyak di terima oleh alim ulama pada masa itu dan sangat sedikit yang menolaknya. Fokus utama perbincangan akidah dalam buku ini adalah berkaitan dengan Sifat 20 dan kenabian yang dibincangkan secara lengkap dan terperinci.

14. *Bidayah al-Hidayah Syarh Umm al-Barahin*

Kitab ini telah ditulis oleh Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin al-Asy'i. Buku ini telah dicetak dan diedarkan oleh Percetakan Matba'ah bin Halabi, Fatani, Thailand, tetapi tanpa tarikh percetakan. Kitab setebal 46 muka surat ini merupakan terjemahan dan huraian kepada *Umm al-Barahin* yang berlandaskan *Syarh Umm al-Barahin* karangan Imam al-Sanusi dan *Syarh al-Imam al-'Allamah Muhammad bin Mansur al-Hudhudi 'ala Umm al-Barahin* karangan al-Syeikh Muhammad bin Mansur al-Hudhudi.

Kitab ini telah selesai ditulis di Mekah pada malam Jumaat pada 24 Syaaban 1170 H bersamaan 14 Mei 1756 M. Setelah ditulis lebih kurang selama 132 tahun 10 bulan 26 hari. Selain itu, kitab ini telah ditashih kali pertama oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani pada pagi Sabtu 20 Rejab 1303 H bersamaan 1886 M. Atas jasa Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani kitab ini dicetak di beberapa Percetakan di Mekah, Mesir. Menurut Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990 dan 1999b:1) kitab ini dianggap sebagai sebuah kitab Tauhid dalam bahasa Melayu yang tertua yang masih berada dalam pasaran di dunia Melayu atau Asia Tenggara. Adapun yang lebih tua tidak ditemui lagi. Kitab ini juga merupakan kitab yang paling awal disusun dalam mensyarahkan kitab *Matn Umm al-Barahin* di dalam bahasa Melayu. Kitab ini membincangkan secara terperinci berhubung dengan persoalan dalam ilmu akidah iaitu persoalan ketuhanan dan kenabian. Dengan kata lain ia membahaskan secara menyeluruh tentang sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT, begitu juga sifat-sifat wajib, mustahil dan harus

bagi Rasul berserta bukti-bukti setiap satu daripada semuanya. Justeru, kitab ini membahaskan secara terperinci dan menyeluruh berkaitan Sifat 20.

15. *Siraj Al-Huda pada Menyatakan Akidah Ahl al-Taqwa*

Kitab ini telah ditulis oleh Syeikh Muhammad Zainuddin bin Muhammad Badawi al-Sumbawi. Kitab ini ditulis sebagai syarah kepada *Matn Umm al-Barahin*. Selesai ditulis di Mekah pada sekitar tahun 1885-86 M dan setelah itu dicetak oleh Percetakan Sulayman Mar'I, Singapura. Kitab setebal 51 muka surat ini membincangkan secara lengkap dan menyeluruh dalam bab akidah dan usuluddin menurut aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Kitab ini tidak dinyatakan tarikh bila ia diselesaikan. Kandungan yang diketengahkan dalam kitab ini ialah berkisar mengenai hukum akal, kewajipan setiap mukalaf, sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT dan bagi para Rasul a.s. serta penjelasan tentang konsep sebenar dalam memahami kalimah syahadah. Justeru, kitab ini menjelaskan secara terperinci persoalan Sifat 20 seperti mana perbahasan dalam kitab *Matn Umm al-Barahin*. Wan Mohd. Shaghir Abdullah mengatakan kitab *Siraj al-Huda pada Menyatakan Akidah Ahl al-Taqwa*: Menurut tradisi pengajian pondok di Alam Melayu tiga buah kitab berurutan dipelajari iaitu dimulai dari *Faridah al-Fara'id Fi 'Ilm al-'Aqa'id* karangan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin al-Fatani. Kemudian disambung dengan *Siraj al-Huda pada Menyatakan Akidah Ahl al-Taqwa* karangan Syeikh Muhammad Zainuddin bin Muhammad Badawi al-Sumbawi. Setelah mahir betul akan dua kitab tersebut barulah dimulai dengan mengaji kitab *al-Durr Al-Thamin fi Bayan 'Aqa'id al-Mu'minin* karangan Syeikh Daud (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1990: 3).

16. *Hidayah al-Mutafakkirin Fi Tahqiq Ma'rifah Rabb al-'Alamin*

Kitab ini telah ditulis oleh Syeikh Husain Nasir bin Muhammad Taib al-Mas'udi al-Banjari. Kitab setebal 54 halaman ini telah selesai ditulis pada 3 Rabiulakhir tahun 1337H bersamaan 1918 M dan dicetak oleh Percetakan The United Press, Pulau Pinang. Kitab ini merupakan sebuah risalah yang menghuraikan berkenaan Sifat 20 mengikut susunan al-Syeikh Ibrahim al-Bayjuri di samping mengemukakan dalil-dalil naqli daripada al-Quran dan termasuk menghuraikan tiga sifat yang terdapat dalam *Istigna'* dan dua sifat dalam *Iftiqar Ilahi*.

C. KESIMPULAN

Berdasarkan huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa penulisan kitab-kitab akidah dalam tulisan jawi yang dikarang oleh ulama Nusantara khususnya berkaitan dengan Sifat 20 kesemuanya berpegang teguh dengan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan mengikut aliran Imam Abu Hasan Al-Asya'ri (Al-Asya'irah) dan Imam Abu Mansur Al-Maturidi (Al-Maturidiyyah). Selain itu, hasil penelitian yang dibuat berdasarkan kepada kitab-kitab akidah dalam tulisan jawi di atas, boleh dikatakan hampir semua kitab-kitab akidah dalam tulisan jawi yang ditulis oleh ulama di alam Melayu ini menggunakan pendekatan penghuraian Sifat

20, terutama kitab-kitab akidah yang dikarang oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan Imam al-Sanusi dan kedua-dua tokoh ini sangat terpengaruh apabila membicarakan persoalan Sifat 20. Oleh itu, dengan adanya penulisan kitab-kitab akidah dalam tulisan jawi yang menggunakan metodologi Sifat 20, para penduduk Muslim di Malaysia dan para penuntut di institusi pengajian pondok mudah memahaminya dan menerimanya dengan baik berbanding dengan pendekatan akidah yang lain. Oleh yang demikian, seharusnya masyarakat selaku pembaca, pengkaji mahupun pendidik hendaklah menjadikan kitab-kitab ini sebagai rujukan dan memanfaatkannya sebagai sumber ilmu akidah yang berguna dalam kehidupan.

RUJUKAN

- Abu Abdullah Husain Nasir bin Muhammad Taib Al-Mas'udi Al-Banjari. t.th. *Hidayat al-Sibyan fi ma'rifat al-Islam wa al-Iman*. Thailand: Matba'ah bin Halabi, Fatani. 1-7.
- Al-Haj `Abdullah bin al-Haj Ibrahim al-Fatani al-Jabi. t.th. *Umdah al-Talib al-Mujtahid fi Sharh Faridah al-Fara'id*. Thailand: Matba'ah bin Halabi, Fatani. 37-86.
- Abdul Ghani bin Yahya & Umar bin Yusuf. t.th. *Risalah al-Tawhid*. Thailand: Matba'ah bin Halabi, Fatani. 15-57.
- Abdul Aziz bin Ismail Al-Fatani. (1994). *Risalah al-Misbah al-Munir fi Ma'rifat Allah al-Qadir*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. 14-31.
- Dr. Abdull Rahman Mahmood. (2015, Ogos17). *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Pemikiran Sheikh Daud Al-Fatani, bertajuk Penyesuaian akidah kitab-kitab Syeikh Daud Al-Fatani : Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK) Negeri Kelantan*. 66-75.
- Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2012). *Akidah Pemahaman Dan Perpecahan Umat Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd. 59-64.
- Drs. Syahrin Bin Jasah. (2011). *Sifat dua puluh asas untuk mengenal Allah*. Kuala Lumpur: Pustaka Al Shafa. 17-74.
- Datuk Hj. Md. Hashim Yahaya. (2012). *Faridah al-Fara'id Fi 'Ilm Al-'Aqa'id*. Shah Alam Selangor: Telaga Biru. 13-36.
- Dr. Haji Abdullah Abu Bakar bin Haji Ismail. (2012). *Khulasah Sifat Dua Puluh*. Thailand: Matba'ah Bin Halabi, Fatani. 59-104.
- Engku Ku Hassan Engku Wok Zin & Mohd Fauzi Hamat. (2009). *Pengaruh Umm Al-Barahin karangan Al-Sanusi dalam penulisan karya akidah di amlam Melayu*. 15-27.
- Faizuri Abd. Latif. (2003). *Integrasi Ilmu Dalam Kitab Jawi: Penelitian terhadap kitab 'Aqidah Al-Najin karangan Syeikh Zainal 'Abidin Al-Fatani*. 50-54.

- Haji Nik 'Abdullah al-Jambu. (1385H). *Pati Faridah al-Fara'id*. Thailand: Matba'ah bin Halabi, Fatani. 10-35.
- Haji Wan Mohd Shaghir bin Haji Wan Abdullah. (1999). *Kitab Risalah Iqdul al-Juman fi 'Aqidil al-Iman*. Kuala Lumpur: Khazanah al-Fataniyah. 4-9.
- Imam al-Sanusi. t.th. *Matan Umm al-Barahin*. t.th. Thailand: Matba'ah bin Halabi, Fatani. 4-27.
- Ismail bin Omar al-Da'alaji al-Sapanjanji al-Fatani (t.th.). *Mizan al-Dharari pada Terjemah dan Menerangkan Kitab Tijan al-Darari bi Syarh Risalah al-Bajuri*. Patani: Muslim Press.
- Muhammad Tayyib Ibn Mas'ud al-Banjari t.th. *Miftah al-Jannah*. Thailand: Matba'ah bin Halabi, Fatani. 6-11.
- Masakaree Ardae @ Nik Muhammad Syukri Nik Wan Al-Fatani. (2009). *Kitab-Kitab Warisan Ilmu Tauhid Di Selatan Thailand*. t.tp. 249-264.
- Noraine Abu. (2012). *Sifat 20 ke arah memahami 'Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jama'ah*. Selangor Darul Ehsan: Pustaka Ilmi. 41-94.
- Prof. Madya. Dr. Basri Bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari. (2015). *Tauhid Rububiyah, Uluhiyah, Asma' dan sifat, Bidaah dan menyerupai Trinititi?*. Selangor Darul Ehsan: Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd. 5-12.
- Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. (1999). *Risalah al-Bahjah al-Saniyyah fi al-Aqid al-Saniyyah*. Kuala Lumpur. Khazanah al-Fataniyyah. 5-9.
- Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. (1351H). *Sullam al-Mubtadi*. t.tp. : Percetakan al-Ma'arif Sdn Bhd. 2-5.
- Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. (1999). *Risalah Kifayat al-Mubtadi wa irshad al-Mubtadi*. Kuala Lumpur: Khazanah al-Fataniyah. 3-8.
- Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. t.th. *al-Durr al-Thamin*. Pulau Pinang: percetakan al-Ma'arif Sdn. Bhd. 2-102.
- Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. t.th. *Jawahir al-Saniyyah*. Singapura: Maktabah Sulaiman Marci.
- Syeikh Muhammad Zainuddin bin Muhammad Badawi al-Sambawi. t.th. *Siraj al-Huda Pada Menyatakan 'Aqidah Ahl al-Taqwa*. Singapura: al-Haramayn li al-Tiba'ah wa al-Nashr. 9-26.
- Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani. t.th. *Unwanul al-Falah wa 'unfuwanus Shalah*. Thailand: Matba'ah bin Halabi, Fatani. 4-13.
- Syeikh Ahmad Ibnu Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani. t.th. *Faridah al-Faraid fi Ilmi al-'Aqid*. Thailand: Matba'ah bin Halabi, Fatani. 5-12.

- Syeikh Muhammad Azhari Ibn `Abdullah al-Falimbani. t.th. `Atiyyah al-Rahman Pada Menyatakan Qawa'id al-Iman. Singapura: al-Haramayn li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Syeikh Zainul `Abidin bin Muhammad al-Fatani. t.th. `Aqidah al-Najin fi `Ilm Usul al-Din Thailand: Matba'ah bin Halabi, Fatani. 15-47.
- Syeikh Muhammad Ali bin Abdul Rahman bin Abdul Ghafur Kutan al-Kelantani. (1396H). Zahratul al-Murid fi 'aqaid al-Tawhid. Thailand: Matba'ah bin Halabi, Fatani. 9-14.
- Syeikh Ibrahim Al-Laqani. t.th. Matan Jawharah al-Tawhid. Thailand: Matba'ah bin Halabi, Fatani. 14-27.
- Sufian al-Thuri bin Haji Awang. t.th. Miftah al-Mubtadi. Kelantan: Pondok Pasir Tumbuh. 5-17.
- Syeikh Muhammad Zayn Ibn al-Faqih Jalaluddin. t.th. *Bidayah al-Hidayah Sharh Matn Umm al-Barahin*. Thailand: Matba'ah bin Halabi, Fatani. 7-22.
- Syeikh Ismail bin Abdul al-Qadir al-Fatani. t.th. *Bakuratu al-Amani*. Thailand: Matba'ah bin Halabi, Fatani. 7-22.
- Syeikh Zainul `Abidin bin Muhammad al-Fatani. t.th. *Miftah al-Murid fi ilmu al-Tawhid*. Thailand: Matba'ah bin Halabi, Fatani. 2-6.
- Syeikh Husain Nasir bin Muhammad Taib al-Mas'udi al-Banjari. (1957). *Hidayat al-Mutafakkirin Fi Tahqiq Ma'rifat Rabbil Al-'Alamin*. Pulau Pinang: Matba'ah Persama. 5-34.
- Tuan Guru Haji Abdullah bin Haji Abdul Rahman. t.th. Risalah Persediaan Bagi Sekalian Mukalaf. t.tp: t.pt. 6-30.
- Tuan Guru Abdul Qadir bin Wangah, Waqaf Budi, Sekam. t.th. *Taqribu Al-Ikhwani Fi Ta'allumi 'Aqidat Al-Iman*. t.tp: t.pt. 10-27.
- Ustazah Noraine Abu. (2013). *Aqidatun Najin*. Selangor Darul Ehsan: Al-Hidayah Publications. 45-96.
- Uthman bin Abdullah bin Yahya al-Batawi. t.th. Kitab Sifat dua Puluh. 7-16.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2001). Beberapa Aspek Epistemologi Syeikh Zainul `Abidin bin Muhammad al-Fatani Suatu Penelitan Awal Terhadap Karyanya 'Aqidah Al-Najin fi `Ilm Usul al-Din. 107-122.